

# UMP, UTM kerjasama anjur program kepimpinan

UAM Sinar (P.T) Scitex 5/10/10 mIP21

KUANTAN - Bagi memantapkan kemahiran kepimpinan dalam kalangan penuntut, Persatuan Mahasiswa Sains dan Teknologi Industri (Scitexs), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalinkan kerjasama dengan Persatuan Fakulti Sains dan Teknologi (Pesat) dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Program membabitkan 50 peserta selama dua hari itu merupakan usaha sama antara fakulti sains UMP dan UTM untuk berkongsi pengalaman serta kemahiran kepimpinan.

Presiden Scitexs, Muhammad Qusyairi Hashim berkata, kerjasama pintar itu memberi pengalaman baru kepada setiap peserta yang terlibat menggilap keyakinan diri dan kemahiran interpersonal.

Menurutnya, pengisian aktiviti yang disusun kemas dan berkesan berjaya membuka mata peserta mengenai ciri pemimpin

hebat terutama yang menjadi pengerusi persatuan atau kelab.

"Sebagai penuntut, mungkin hanya memikirkan tumpuan terhadap akademik semata-mata dan tidak melibatkan diri dalam aktiviti luar bilik kuliah.

"Sedangkan universiti bukanlah tempat menuntut ilmu akademik semata-mata tetapi adalah tempat untuk mendapatkan kepakaran dari segi kemahiran insaniah," katanya kepada Sinar Harian.

Muhammad Qusyairi berkata, program itu diharapkan dapat menjalinkan hubungan baik antara Scitexs UMP dan universiti lain juga.

Pada program itu, antara aktiviti yang dijalankan adalah latihan dalam kumpulan (LDK), soal jawab dan sukaneka.

Hadir merasmikan majlis penutup program itu ialah Penasihat Scitexs, Nurul Nadiah Hamidon.



Peserta program kepimpinan Scitexs UMP dan Pesat UTM bergambar selepas program berakhir.